



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

PEMBENTANGAN BAJET MBSP TAHUN 2022

“BANDARAYA DIGITAL  
DAN RENDAH KARBON”

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**  
**2.30 PETANG**

**DEWAN KENANGA**  
**MENARA BANDARAYA**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tn. Hj. Baderul Amin Bin Abdul Hamid**

Pemangku Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**YBhg. Datin Hajah Che Limah binti Haji Ujang**

Pengerusi PUSPANITA MBSP,

Setiausaha dan Bendahari PUSPANITA MBSP

**Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin**

Pengerusi ANULAE Cawangan Seberang Perai,

Setiausaha dan Bendahari ANULAE

**Tuan Sr Mat Nasir bin Hassan**

Naib Yang Dipertua PESUKA,

Setiausaha dan Bendahari PESUKA

**Encik Mohamad Nizam bin Md Shariff**

Yang Dipertua PERMAI,

Setiausaha dan Bendahari PERMAI

## **Puan Latifah binti Razali**

Pengerusi KOSPEMA,

Setiausaha dan Bendahari KOSPEMA

## **Jurubahasa Isyarat**

## **Rakan-Rakan Media**

## **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera

## **Pendahuluan**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, telah memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan untuk berhimpun secara virtual atau bersemuka pada pagi ini bagi menzahirkan satu tugas penting yang diamanahkan oleh rakyat serta meneruskan ikhtiar dalam menghadapi musibah yang masih belum berhenti agar Seberang Perai bebas daripada COVID-19.

2. Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang khususnya Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang, Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar dan Desa dan Yang Berhormat Dato' Seri Abdul Razak Bin Jaafar, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang di atas kepercayaan, sokongan yang kuat dan mandat yang diberikan kepada saya untuk menerajui MBSP.
3. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis yang sangat komited dan sentiasa meletakkan kepentingan dan kebajikan rakyat sebagai fokus utama dalam melaksanakan tanggung jawab mereka.
4. Tidak ketinggalan, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Setiausaha Bandaraya dan Pemangku Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, Bahagian dan Unit, rakan-rakan media, persatuan ANULAE, PUSPANITA, PESUKA,

PERMAI dan KOSPEMA yang menunjangi program dan agenda MBSP kepada masyarakat.

5. Saya juga turut menyanjung tinggi kesungguhan semua warga kerja MBSP termasuk wira barisan hadapan dan wira oren di pelbagai peringkat yang sentiasa komited dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat Seberang Perai.
6. Tidak dilupakan, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada rakyat Seberang Perai yang sentiasa mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh MKN dan bersabar dengan musibah yang dahsyat ini. Datuk Bandar dan seluruh warga MBSP memahami keperitan dan kegelisahan rakyat yang dikasihi.

**Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

**SOROTAN DAN SENARIO EKONOMI MALAYSIA SEMASA COVID-19**

7. Setiap kepayahan atau kesukaran yang ditakdirkan oleh Allah SWT pasti diiringkan dengan kemudahan seperti yang dinyatakan dalam Surah Al-Insyirah, ayat 5-6 yang bermaksud, “Oleh itu, maka

(tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan.

8. Bank Negara Malaysia (BNM) dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mengumumkan bahawa Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat sebanyak 16.1% pada suku kedua 2021.
9. Ekonomi Malaysia dijangka pulih secara beransur-ansur berikutan kelancaran Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dan kejayaan mencapai nilai ambang yang ditetapkan di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN) bagi setiap negeri. Keadaan ini seterusnya akan membolehkan pembukaan semula aktiviti ekonomi dan sosial yang lebih luas.
10. Di dalam kenyataan media oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang pada 4 Mac 2021 yang lalu, Pulau Pinang terus menjadi destinasi pilihan para pelabur apabila berjaya mencatatkan jumlah pelaburan yang diluluskan bagi sektor pembuatan sebanyak RM14.1 bilion pada tahun 2020 berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) walaupun berdepan situasi ekonomi global yang mencabar.

11. Nilai memberansangkan ini didorong oleh asas yang kukuh serta ekosistem yang berkeupayaan menyokong keperluan teknologi, produk dan strategi pertumbuhan industri jangka panjang. Jumlah ini menjadikan Pulau Pinang sebagai penerima FDI sektor pembuatan ketiga tertinggi di Malaysia dan menyumbang sebanyak 19% daripada FDI negara.
12. Dalam persekitaran yang kompetitif, para pelabur bukan hanya melihat kepada pulangan pelaburan (ROI) tetapi juga keseluruhan pakej termasuk isu-isu kelestarian jangka panjang berkaitan alam sekitar, sosial dan pentadbiran. Bagi menarik lebih ramai pelabur, MBSP sentiasa berusaha menambah baik dasar/polisi/prosedur untuk menyediakan persekitaran perniagaan yang lebih cekap, fleksibel dan rancak.

## **PELAN PEMULIHAN EKONOMI**

13. MBSP telah melakukan *Business Proses Re-engineering* ketika Pandemik COVID-19 bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan kepada rakyat ketika mereka berdepan dengan musibah yang amat dahsyat ini. Enam belas (16) penambahbaikan

yang akan diuraikan di bawah ini merupakan hasil daripada proses kerja yang dipendekkan, penggubalan garis panduan baharu dan penghasilan produk baharu yang mesra rakyat agar ianya menjadi pemangkin pembangunan ekonomi tempatan semasa dan pasca COVID-19.

## **PEMBANGUNAN EKONOMI PENIAGA KECIL SEMASA DAN PASCA COVID-19**

- i. Sistem Pengurusan Lesen Interaktif Bersepadu atau singkatannya *SpeedBiz*. Sistem ini membolehkan permohonan lesen premis perniagaan dan iklan dibuat di atas talian dan pemohon boleh mencetak lesen mereka sendiri apabila diluluskan. *SpeedBiz* mencerminkan budaya kerja generasi baharu 24x7x52. *SpeedBiz* memberi manfaat kepada 33,139 pemegang lesen premis perniagaan dan industri di Seberang Perai.
- ii. Program Sejahtera Peniaga memperkenalkan sistem *four in one* yang **pertama** di Malaysia di mana Permit Sementara Bangunan, lesen perniagaan, pemberian patil nombor premis dan pengurusan sampah yang teratur disekalikan. Program ini akan memberi



manfaat dan merungkai masalah 1,000 peniaga makanan, kedai runcit dan peniagaan kecil seperti kedai gunting rambut yang berada di luar kawasan pembangunan atau di kampung-kampung.

- iii. Sistem Pengurusan Sampah *i-collect* mengguna pakai konsep *pay-as-you-use* yang **pertama** di Malaysia. Projek perintis ini menjadi pakej kepada Program Sejahtera Peniaga bertujuan untuk mencapai sasaran 50% pengurangan penjanaan sampah pada tahun 2022. *Pay-as-you-use* akan diperluaskan kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang lain secara berperingkat dan akan menjadi norma baharu mulai tahun 2022.
- iv. *MyBestBuy*, kerjasama strategik di antara MBSP dengan FAMA bagi menyediakan ruang jualan produk segar dari ladang dengan berbagai promosi dan harga yang kompetitif.

## **PEMBANGUNAN EKONOMI TEMPATAN**

- v. Kebenaran Mula Kerja (COW) pembinaan bangunan dikeluarkan sebaik-baik sahaja Pelan Bangunan dikemukakan ke Jabatan Bangunan MBSP. Produk

ini menjimatkan masa pembinaan sekurang-kurangnya 37 hari, memberi kemudahan menjalankan perniagaan (*ease of doing business*), mempercepatkan pembinaan dan seterusnya menarik minat pelaburan asing (*Foreign Direct Investment*) ke Seberang Perai.

- vi. Garis Panduan Rumah Pekerja di luar tapak bina (CLQ Sementara di luar Tapak Bina). Kelulusan permit sementara rumah pekerja dikeluarkan dalam tempoh dua (2) hari. Garis Panduan ini mempercepatkan pembinaan bangunan industri dan kompleks perniagaan khususnya di kawasan Batu Kawan dan sekitarnya.
- vii. MBSP akan melancarkan Pelan Tindakan *Circular Economy* pada 2 Oktober 2021. Pelan Tindakan *Circular Economy* akan menjadi panduan dalam memastikan pola penghasilan dan penggunaan (*Production and Consumption Pattern*) sampah di Seberang Perai dapat diubah daripada *Linear Model* kepada *Circular Model* melalui pembaharuan dasar dan penggunaan teknologi yang meluas pada tahun 2022 sehingga 2030.

- viii. MBSP memberi keutamaan dan pemprosesan *fast track* untuk meluluskan Pelan Kebenaran Merancang (PKM) dan Pelan Bangunan (PB) bagi pembangunan yang direkabentuk menggunakan 15% tenaga yang diperbaharui atau *renewable energy* (RE) seperti tenaga solar dan *wind energy*.
- ix. *Digital Biz*, adalah *Strategic Alliance* bersama Boost untuk memberi kemudahan memohon lesen perniagaan dan memperbaharui lesen perniagaan di atas talian dengan menggunakan pasarana Boost. Program ini memberi manfaat kepada 46,549 pemegang lesen dari semua kategori lesen.

## **PENYELESAIAN MASALAH SOSIAL**

- x. Garis Panduan Penginapan Pekerja Sementara di Bangunan Perniagaan sedia ada (CLQ Sementara Bangunan Perniagaan sedia ada). Majikan boleh menyediakan penginapan pekerja dengan kos permohonan yang rendah dan kelulusan yang cepat iaitu pada hari yang sama, jika tiada melibatkan pindaan dibuat kepada bangunan yang dipohon.
- xi. Garis Panduan Perancangan Tukar Guna Bangunan Industri untuk dijadikan penginapan pekerja

sementara (CLQ Sementara Bangunan Industri sedia ada). Garis panduan ini mempunyai tujuan serampang dua mata. Pertama, membantu mengurangkan kegelisahan rakyat dengan kehadiran warga asing di persekitaran kediaman mereka terutama semasa COVID-19 dan kedua, mengurangkan kos operasi kepada pengusaha di mana bangunan kilang sedia ada boleh ditukar guna kepada penginapan pekerja berpusat sementara (CLQ).

- xii. Diskaun kompaun semua kesalahan-kesalahan mulai 16 September sehingga 31 Disember 2021. Kompaun tempat letak kereta dikenakan bayaran RM10.00 atas satu kesalahan, manakala kompaun lain dikurangkan sebanyak 50%.
- xiii. Pelanjutan tempoh bayaran cukai taksiran tahun 2021 sehingga 31 Disember 2021 tanpa denda.
- xiv. Program Klinik Tunggakan Cukai Taksiran Khas 2021 bagi membincang untuk mencari kaedah yang sesuai pembayaran cukai taksiran.

- xv. Pemberian nombor TS kepada rumah kediaman di kampung. Pemohon hanya perlu mengemukakan pelan lakar rumah kediaman mereka yang boleh dilukis sendiri oleh pemohon. Program pemberian nombor patil TS memberi manfaat kepada 20,000 rumah-rumah kampung yang tidak bernombor. Program ini yang akan berakhir pada 31 Disember 2021 akan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2022.
- xvi. Pendigitalan Perkhidmatan bagi memudahkan urusan transaksi tanpa tunai melalui *MBSP QR Bill, Cyber Bill, Helpdesk*, pusat panggilan (*Call Center*) dan program inisiatif tanpa tunai dengan kerjasama Boost. Bagi melengkapkan usaha pendigitalan perkhidmatan, MBSP telah mempraktikkan *behavioural insight*. Transaksi tanpa tunai telah meningkat dengan ketara, sehingga 23 September 2021, 70.59% daripada keseluruhan transaksi, dengan nilai transaksi RM125.9 juta (303,985 daripada 430,617 transaksi) telah dikutip, berbanding 57.62% sepanjang tahun 2020.

## Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

### Pengiktirafan dan Pencapaian

14. MBSP sentiasa membuka ruang untuk idea kreatif dan inovatif. Hasil daripada keberkesanan penyampaian perkhidmatan MBSP kepada *stakeholder*, MBSP telah mendapat pelbagai pengiktirafan di dalam dan luar negara.
15. Pada 31 Mei 2021, MBSP telah berjaya mendapat penarafan **pencipta “E-SPORT: DIGITAL SINGLE USE PLASTIC”** dan tertakluk kepada Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332). Pada 17 Ogos 2020 yang lalu, ***Edutainment Green Games*** juga telah diiktiraf sebagai **Hak Cipta** oleh Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO) kepada MBSP dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
16. MBSP juga telah berjaya meraih **Tempat Kedua** di dalam **Pertandingan Piala Inovasi YB Menteri KPKT** anjuran **Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA)** bagi inovasi **Taman Upcycle : Aspirasi Seni Taman Rendah Karbon** yang diadakan pada 11 Jun 2021. MBSP telah

mendapat wang tunai RM2,000 dan Geran KPKT bernilai RM500,000 beserta Piala Iringan dan Sijil.

17. **MBSP bersama Kumpulan *Penang Smart Parking* Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang** telah menerima **Anugerah Emas** sempena ***Mini Innovation Showcase Team Excellence (MTex) 2021*** oleh MPC Wilayah Utara pada 1 Julai 2021.
18. MBSP juga telah diberi pensijilan **Penang Green Office** oleh **Penang Green Council** dari bulan September 2020 hingga September 2022.
19. **Pensijilan Sistem Pengurusan MBSP** disambung untuk tahun 2021 melalui **Pengauditan SIRIM** pada 26 hingga 28 Oktober 2020. Sistem Pengurusan MBSP adalah seperti berikut: -
  - (i) Sistem Pengurusan Kualiti – ISO 9001:2015 (QMS);
  - (ii) Sistem Pengurusan Alam Sekitar – ISO 14001:2015 (EMS);
  - (iii) Sistem Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan – ISO 45001:2018 (OSHMS);
  - (iv) Sistem Pengurusan Tenaga – ISO 50001:2018 (EnMS);

- (v) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat – ISO/IEC 27001:2013 (ISMS) dan
- (vi) Sistem Pengurusan Anti Suapan/Sogokan – ISO 37001:2016 (ABMS).

20. MBSP juga telah menerima dua (2) anugerah di dalam **Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2020** yang telah diadakan pada 21 dan 22 Disember 2020 iaitu: -

- i) **Tempat Ketiga** bagi **Kategori Bukan ICT** untuk projek **Visible Grease Trap (VisTrap)** oleh Jabatan Kejuruteraan MBSP; dan
- ii) **Tempat Ketiga** bagi **Kategori ICT** untuk projek **CyberBill MBSP** oleh Jabatan Perbendaharaan MBSP.

21. Di samping itu, pada 17 Februari 2021 yang lalu, secara rasminya, Datuk Bandar telah dipilih melalui proses undian oleh **ICLEI – Local Government For Sustainability** sebagai **Penasihat** kepada **Global Executive Committee (GEXCOM) of ICLEI** di dalam **Portfolio The Climate Action And Low Emission Development** bermula tahun 2021 hingga 2024.



22. Datuk Bandar juga telah dianugerahkan ***Productivity Champion Award*** kategori ***Leadership Wilayah Utara*** daripada **Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)** pada 23 April 2021.
23. MBSP telah diberi penarafan **3 Bintang** iaitu penarafan tertinggi dalam pengauditan **Persijilan Semula Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti (5S)** oleh **Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)** yang telah diadakan pada 23 April 2021. Persijilan ini bertarikh 20 Disember 2019.
24. Semua kejayaan ini tidak akan tercapai sekiranya tiada gandingan mantap dan kerjasama yang padu antara MBSP dan rakyat serta komitmen yang tinggi daripada semua Ahli Majlis, pegawai dan kakitangan MBSP.

### **Sesi “Town Hall” Dialog Bajet 2022 Secara Virtual**

25. MBSP sentiasa memastikan **Seberang Perai Bandar Untuk Semua** sebagai *guiding principle* dalam pentadbiran MBSP dengan memberi penekanan kepada: -

- i) *Improve governance and inclusiveness;*
- ii) *Accessibility and mobility;*
- iii) *No one should be excluded;*
- iv) *Gender responsive and participatory Budgeting &*
- v) *Universal design.*

26. Pada 18 Jun 2021 yang lalu, MBSP telah mengadakan Sesi “*Town Hall*” Dialog Bajet MBSP 2022 Secara Virtual. Sesi tersebut bertujuan untuk melibatkan wakil komuniti serta penduduk Seberang Perai dalam merangka strategi Bajet 2022 dengan memberi input, pandangan dan cadangan bagi menambahbaik perkhidmatan MBSP.
27. Sebanyak 5,500 tontonan (*view*) telah diperolehi semasa sesi tersebut dilangsungkan. Sebanyak 52 cadangan telah diperolehi dari sesi tersebut untuk digunakan bagi penyediaan “*Corporate Priorities*” untuk tahun 2022.
28. Soal Selidik Bajet Tahun 2022 juga telah disediakan menggunakan metodologi **Bajet Responsif Gender dan Partisipatori** atau ***Gender Responsive and Participatory Budgeting (GRPB)*** secara *online* di

laman web MBSP dan Penang Smart Parking Apps mulai 26 Februari hingga 14 April 2021.

29. Jumlah responden yang telah mengisi adalah seramai 6,958 orang iaitu 5,337 (76.7%) adalah responden lelaki dan 1,621 (23.3%) adalah responden wanita. Seramai 6,798 (97.7%) responden menyatakan tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan MBSP adalah memuaskan dan sangat memuaskan.

## **Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian**

### **Keutamaan Teras Bajet Tahun 2022**

30. Setelah mempertimbangkan semua senario semasa serta keperluan dan keupayaan MBSP, izinkan saya mencadangkan supaya suatu **Bajet Majlis Bandaraya Seberang Perai bagi tahun 2022** dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan Mesyuarat Majlis Penuh.
31. Bajet Tahun 2022 bertemakan “**Bandaraya Digital Dan Rendah Karbon**” yang akan memberi penekanan terhadap pelaksanaan tujuh (7) keutamaan teras seperti berikut: -

## Keutamaan Teras Pertama – Komuniti Lestari

32. MBSP sentiasa menjalankan program bersama komuniti seperti program pembangunan dan pendidikan, aktiviti gotong royong, program *Care For The Elderly*, *Smart Consumption Model 8R*, *waste to protein*, *waste to compost* dan *waste to energy* serta menjalankan pakatan strategik atau *Strategic Alliance* dengan pusat pengajian tinggi, NGO's dan syarikat swasta bagi melahirkan komuniti lestari. Oleh itu, MBSP akan memperuntukkan sebanyak **RM20.01 juta** daripada keseluruhan perbelanjaan tahun 2022.
  
33. Untuk tahun 2022, MBSP memperuntukkan sebanyak **RM0.2 juta** untuk **Program Local Agenda 21**. MBSP telah bekerjasama dengan UPSI dan Syarikat Urbanest Sdn Bhd dengan membangunkan Edu-Green Centre Padang Cempedak di Tasek Gelugor untuk dijadikan pusat penyelidikan aktiviti hijau seperti pengkomposan, kebun komuniti dan *upcycle*.
  
34. MBSP juga mengadakan program berkebun di halaman rumah dengan kerjasama MBSP dan Syarikat Continental Automotive Components Malaysia Sdn Bhd telah membantu rakyat Seberang

Perai yang kehilangan punca pendapatan dan golongan B40 dengan tajaan bernilai RM13,500.

35. Di bawah program 8R pula, MBSP menganjurkan Karnival *Upcycle* di Autocity, Juru dan Design Village Mall, Batu Kawan serta *Grow Community Market* di Autocity, Juru. Karnival ini diadakan bagi mewujudkan kesedaran dalam penjagaan alam sekitar. Pelbagai aktiviti dijalankan seperti jualan sayur organik, pemeriksaan kesihatan percuma dan lain-lain.
36. Dengan usahasama USM, MBSP telah menghasilkan *Mini Circular Economy Manufacturing Kiosk*. Ia ditempatkan di Pusat Kitar Semula Bagan Lalang, Butterworth dan Kampung Permatang Nibong. MBSP juga menganjurkan Pertandingan *Video Single Use Plastic* dan ia terbuka kepada pelajar sekolah menengah.
37. MBSP juga akan menaiktaraf **Kompleks Sukan Bertam dan Taman Tema Jalan Betek** sebanyak **RM0.43 juta**. Pada tahun 2022, buat pertama kalinya, sebanyak **RM0.3 juta** diperuntukkan untuk **Krematorium MBSP** di SPS. Sebanyak **RM1.2 juta** pula disediakan untuk **Pemasangan Lampu**

**Hiasan/Lampu Jalan/Pencahayaan** di seluruh Seberang Perai sama ada di dalam taman, kawasan lapang dan semasa perayaan.

38. Bagi merencanakan aktiviti ekonomi setempat, MBSP akan menganjurkan pelbagai program rasmi seperti sambutan **Hari Bandaraya, Program Kesihatan, Aktiviti Sukan dan Kebudayaan, Program Mesra Pelanggan, Program Pelan Strategik COB dan Program Komuniti ICT** dengan peruntukan sebanyak **RM1.2 juta**.
39. Antaranya adalah penganjuran program “Hackfest MBSP” dan “Digital@Seberang Perai”. Program “Hackfest MBSP” adalah program yang mengumpulkan pembangun sistem, pengaturcara, pereka grafik, syarikat dan pencetus idea serta pihak-pihak yang terlibat dalam pembangunan model penyelesaian untuk berkolaborasi dalam membina idea dan penyelesaian. Cadangan yang akan diperolehi termasuk cadangan perkakasan dan pembangunan perisian, konsep serta aplikasi mobil.
40. Manakala program “Digital@Seberang Perai” adalah program yang memberi pendedahan kepada komuniti

atau penduduk Seberang Perai tentang teknologi digital yang terdapat di Pulau Pinang.

41. Peruntukan sebanyak **RM0.36 juta** pula disediakan pada tahun 2022 untuk pembelian **Alatan untuk Tempat Riadah, Sukan, Gimnasium, Alat Muzik, Kostium dan Aksesori, Bayaran Perkhidmatan Seniman dan Pemuzik dan Program di bawah Unit Butterworth Baharu** seperti Temasya Bagan, ***Butterworth Fringe Festival (BFF)*** dan **Program Rehabilitasi Sungai Perai**.
42. Pada tahun 2022, Unit Butterworth Baharu akan melaksanakan projek LIGHT dengan kerjasama Think City Sdn Bhd sebagai usaha untuk mengaktifkan *public art and public spaces*. Program Seberang Perai *Hawkers Festival 2022* juga akan diadakan untuk memperkasakan ekonomi Seberang Perai.
43. Di samping itu, selaras dengan *Memorandum Understanding (MOU)* yang bakal ditandatangani oleh MBSP dan Think City adalah sebuah lanjutan kerjasama dalam pelaksanaan Program Butterworth Baharu yang mana salah satunya *adopting 20 minutes city* di Butterworth.

44. Projek Light CENDANA di Butterworth juga merupakan sebuah inisiatif lanjutan daripada program *Art In The City* dengan kerjasama MBSP dan Think City untuk menghidupkan bandar dengan seni awam dan persembahan di 5 bandar terpilih di seluruh Malaysia.
45. MBSP akan terus memberi fokus kepada pengembangan *community-based tourism*. Pandemik COVID-19 telah memberi kesan yang teruk dan di luar jangkaan kepada sektor pelancongan domestik secara khususnya. MBSP turut menyedari potensi besar yang boleh dimanfaatkan daripada “*creative tourism*” seperti lokasi jelapang padi dan ia boleh menjadi satu hasil pendapatan baharu untuk MBSP.
46. Oleh itu, MBSP telah menyediakan peruntukan sebanyak **RM80,000** untuk **Program Pelancongan, Kesenian dan Warisan**. Selain itu, MBSP juga akan melaksanakan kerja-kerja **Naiktaraf Kemudahan untuk Eko Pelancongan** sebanyak **RM0.2 juta** dan **Menyelenggara Kemudahan Infrastruktur Kawasan Pelancongan dan Warisan Sedia Ada** sebanyak **RM0.2 juta**.



47. Kerajaan Negeri juga telah menyalurkan peruntukan untuk **Projek Pembangunan Robina Eco Park** sebanyak **RM2.0 juta**. Di antara komponen pembangunan yang akan dilaksanakan adalah pembangunan semula kompleks penjaja, penyediaan tapak untuk *food truck*, tempat letak kenderaan dan dataran terbuka. MBSP juga akan menggunakan **Wang Sumbangan Menggantikan Kemudahan Awam (Tempat Letak Kenderaan)** bagi kerja-kerja pelebaran jalan masuk dan penyediaan tambahan tempat letak kenderaan sebanyak **RM0.3 juta**.
48. MBSP juga telah mengenalpasti lokasi tarikan pelancongan baharu yang akan diberikan perhatian khusus dalam penyediaan kemudahan antaranya Dataran Tsunami dan Pasar Bisik, Kuala Muda, Jeti Permatang Bendahari, Empangan Muda, Jambatan Merdeka, Pantai Kamloon, Jambatan Keretapi Pinang Tunggal dan *Peacock Park* di Taman Kimsar.
49. Pada 8 Januari 2021 yang lalu, Pelan Strategik Dasar Keterangkuman Gender (DKG) MBSP 2021 hingga 2030 telah dilancarkan oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang. Bagi melaksanakan program-program jangka pendek dan

panjang yang telah dirancang yang melibatkan kakitangan dan komuniti Seberang Perai, MBSP akan menyalurkan dana sebanyak **RM0.2 juta** setahun kepada Penang Women Development Corporation (PWDC).

50. Pusat R&D kajian strategik, budaya dan adat juga boleh menjadi produk pelancongan yang akan dipromosi dan dipasarkan bersama *Upcycle Park, One Baby One Tree, Community Park, Eco Coridor dan People's Aquarium* yang berada dalam *20 minute neighbourhood*.

### **Keutamaan Teras Kedua – Program Rendah Karbon**

51. Bagi merealisasikan harapan untuk menjadikan MBSP sebagai Bandaraya Rendah Karbon menjelang tahun 2022 sejumlah **RM37.23 juta** telah diperuntukkan dalam Bajet Tahun 2022.
52. MBSP juga memperuntukkan sejumlah **RM2.23 juta** untuk **Projek Rendah Karbon** bagi penukaran semua lampu jalan sedia ada kepada lampu LED. MBSP akan membuat penukaran 14,061 unit lampu jalan dari jenis HPSV ke LED yang akan memberi penjimatan 60% penggunaan tenaga elektrik.

Sehingga bulan Julai 2021, jumlah lampu LED yang telah dibuat pemasangan adalah 2,171 oleh MBSP manakala TNB telah membuat pemasangan sebanyak 24,996 unit lampu LED.

53. MBSP juga akan terus mempergiatkan usaha ke arah menjaga alam sekitar melalui penggunaan tenaga yang mesra alam. Tapak tempat letak kereta kakitangan MBSP yang berkeluasan kira-kira 56,000 kaki persegi akan dinaiktaraf dan dipasang dengan panel solar berbumbung. Ianya mampu menjana 595.08 kWp tenaga solar melalui skim *Nett Energy Metering* (NEM). Projek ini dijangka akan siap pada awal tahun 2022. Selain mengutamakan penggunaan tenaga hijau dan bersih ianya juga mampu menjimatkan kos bayaran elektrik sebanyak kira-kira 20% setiap bulan melalui inisiatif ini.
  
54. MBSP merupakan Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia yang **PERTAMA** menandatangani MOU *Supply Agreement of Renewable Energy* (SARE) bersama pihak TNB dan GSPARX pada 17 Mei 2019 bagi pemasangan sistem solar di tiga (3) bangunan milik MBSP iaitu Kompleks Sukan Bertam, Kompleks

Sukan Jalan Betek dan Pejabat Cawangan MBSP Jalan Betek.

55. Pada 27 September 2021 yang lalu, Majlis Perasmian Pemasangan Sistem Solar melalui program *Supply Agreement of Renewable Energy (SARE)* mengandungi 300 unit panel solar di Pejabat Cawangan MBSP Jalan Betek telah diadakan. Panel solar ini mempunyai beberapa kebaikan iaitu: -
- (i) Tiada kos CAPEX kepada MBSP;
  - (ii) Kadar tarif yang lebih rendah; dan
  - (iii) Penghasilan tenaga daripada solar akan dijual melalui pakej Net Energy Metering.
56. MBSP juga telah menyediakan *Incentive Fast Track* pelan kebenaran merancang dan pelan bangunan akan diberikan kepada pemajuan yang direkabentuk menggunakan 15% tenaga yang boleh diperbaharui (*renewable energy*).
57. Manakala kompleks komersial yang mempunyai ruang lantai melebihi 5,000 meter persegi serta pembangunan komersial yang dibenarkan nisbah plot melebihi 1:3 dikehendaki memperolehi 15% dari

tenaga yang digunakan dari **sumber tenaga yang boleh diperbaharui (RE)**.

58. MBSP juga akan mensyaratkan dalam PKM, *GBI Certified (Green Building Index)* bagi bangunan kediaman dan perdagangan yang dibina dalam eco-city Batu Kawan.
59. Antara perbelanjaan utama adalah **Penyelenggaraan Lampu-Lampu Jalan** sebanyak **RM1.8 juta** manakala **RM13.5 juta** pula diperuntukkan bagi **Pembayaran Bil-Bil Lampu Awam**. Bagi meningkatkan tahap pembangunan di Seberang Perai agar menjadi lebih mampan di masa hadapan, sebanyak **RM0.5 juta** diperuntukkan bagi **Kajian Perancangan Pemajuan**. MBSP juga menyediakan peruntukan sebanyak **RM50,000** untuk pembelian **Peralatan EnMS**.
60. Program penanaman pokok adalah inisiatif MBSP dalam mewujudkan suasana landskap yang selesa dan sejahtera dan pada masa yang sama mengimbangi pembangunan dengan kelestarian alam sekitar di mana ia menekankan kepada penanaman

pokok teduhan yang bersifat rendah karbon terutama di dalam kawasan bandar.

61. Pelaksanaan program ini akan memberi manfaat kepada kawasan hijau sebagai pembekal biodiversiti, kitaran oksigen dan karbon serta habitat kepada hidupan liar. Pada tahun 2022, sebanyak **RM1.35 juta** dari **Wang Sumbangan Menggantikan Kemudahan Awam (Kawasan Lapang)** akan digunakan bagi menceriakan lagi kawasan persekitaran Seberang Perai.
  
62. Projek-projek yang akan dilaksanakan adalah **Cadangan Menaiktaraf Pengindahan Persimpangan Pekan Sungai Acheh/Tanjong Berembang** dan **Taman Rekreasi Kg. Sanglang, SPS, Taman Rekreasi Taman Pantai, SPU dan Kawasan Lapang di Lorong Impian 9, Taman Impian dan Taman Perwira Indah, SPT.**
  
63. Selain itu, **Kerja-kerja Penjenamaan Semula Taman Bandaran Ampang Jajar kepada *Extreme River Side Park*** akan dilaksanakan pada tahun 2021 dan 2022. Komponen yang dicadangkan adalah *archery range, rifle range, rock climbing, canoeing* dan lain-

lain. MBSP juga akan menjalankan program penanaman pokok secara CSR dengan pihak swasta sebanyak **30,000 batang pokok** dari spesies pokok teduhan di zon penampungan dalam kawasan perindustrian dan Taman Bandar Ampang Jajar serta *Vision Park* bagi mewujudkan lebih banyak kawasan hijau di Seberang Perai.

64. MBSP juga akan membelanjakan wang dari **Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan (MARRIS)** pada tahun 2022 untuk perkhidmatan pangkasan pokok di jalan bandaran dan jalan negeri kawasan Seberang Perai sebanyak **RM3.4 juta**.
65. Sebanyak **RM1.5 juta** pula akan diperuntukkan bagi **Menaiktaraf Taman Rekreasi Awam Taman Sembilang, Seberang Jaya, Taman Tecoma, Bandar Perda, SPT dan Taman Bertam Putra, Kepala Batas, SPU** menggunakan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan.
66. Pemerkasaan kolaborasi antara MBSP, institusi pendidikan tinggi, pemain industri dan masyarakat dalam melaksanakan projek pembangunan secara **Smart Partnership 7Ps** amatlah dialu-alukan. Projek

yang dilaksanakan pada tahun ini adalah Cadangan Pengindahan Bulatan dan Persimpangan Bandar Casia, Batu Kawan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dengan kos berjumlah RM0.76 juta.

67. MBSP akan melaksanakan kerja-kerja **Landskap di Masjid Bandaraya yang Pertama** di Batu Kawan sebanyak **RM0.3 juta**. Peruntukan sebanyak **RM0.45 juta** pula disediakan pada tahun 2022 bagi **Memaju, Membersih dan Meperelok Am**.
68. Antara projek yang akan dijalankan adalah **Naiktaraf Pengindahan Tanah Lapang Taman Akasia dan Taman Sejahtera, Alma, SPT, Taman Penaga Permai dan Taman Bertam Putra, SPU, Taman Bakap Indah, SPS** serta **Projek Pengindahan Mural di Bandar Perda**.
69. MBSP telah memperuntukkan sebanyak **RM1.0 juta** bagi menjalankan kerja-kerja **Penyelenggaraan dan Pengindahan Landskap**. Sebanyak **RM0.2 juta** pula diperuntukkan untuk **Bekalan Peralatan Pengindahan** dan **RM165,000** untuk pembelian **Mesin Rumput, Alat dan Mesin** untuk pengindahan landskap.



70. MBSP juga memperuntukkan sebanyak **RM0.25 juta** untuk **Bekalan dan Bahan serta Penyelenggaraan Tapak Semaian MBSP** dan **RM50,000** untuk pembelian **Anak Pokok** untuk disemai di tapak semaian MBSP. Pada tahun 2022, MBSP akan **Menaik Taraf Pejabat Operasi dan Tapak Semaian Jabatan Landskap** sebanyak **RM0.3 juta**.
71. Bagi mengurangkan vandalisme dan penyalahgunaan taman rekreasi awam dan taman permainan, MBSP memperuntukkan sebanyak **RM50,000** untuk pemasangan **Papan Kenyataan**. MBSP juga akan memasang *outdoor gym* baharu di 10 lokasi dan 10 set alat permainan baharu di **Tempat-Tempat Rekreasi Awam dan Sukan** dengan kos sebanyak **RM0.6 juta**.

**Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian**

### **Keutamaan Teras Ketiga – *Circular Economy***

72. MBSP komited untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang terbersih di Malaysia. MBSP telah memperuntukkan sebanyak **RM118.75 juta** daripada keseluruhan perbelanjaan tahun 2022

bagi memastikan peningkatan tahap kebersihan di Seberang Perai.

73. Pada 19 September 2020 yang lalu, Seberang Perai *Circular Economy Roadmap* telah dilancarkan dan menjadi panduan dalam menggubal Pelan Tindakan Seberang Perai *Circular Economy* 2021 hingga 2030 yang akan dilancarkan pada 2 Oktober 2021.
74. Tahun 2022 akan menyaksikan pengurusan 8R diperkasakan dan diperluaskan selaras dengan skop definisi ekonomi kitaran atau *circular economy* seperti yang termaktub di bawah perenggan 70, *New Urban Agenda* dan *Sustainable Development Goals* atau SDG 12 iaitu *responsible production and consumption*.
75. Konsep ini menyarankan kepada penggunaan sumber secara optima, pengurangan pembaziran dan penggunaan semula sisa hasil daripada proses pengeluaran dan selepas hayat hidup barangan. MBSP akan meneruskan usaha mengurangkan penggunaan bahan dan penjanaan sampah serta penstoran dan rawatan menerusi strategi 8R,

perubahan paradigma minda masyarakat dan aplikasi teknologi hijau yang lebih giat.

76. Pelaksanaan Pelan Tindakan *Circular Economy* bagi tahun 2022 akan melibatkan beberapa program seperti berikut: -

- (i) Pusat Pemprosesan dan Rawatan Sisa Pepejal di Ampang Jajar;
- (ii) Sistem Pengurusan Sisa Pepejal Lestari dan
- (iii) Pengekstrakan Gas di Tapak Pelupusan Pulau Burung Fasa 1.

77. Pusat Pemprosesan dan Rawatan Sisa Pepejal di Ampang Jajar secara RFP telah dibuka bagi mendapatkan cadangan dari Petender bagi memproses dan merawat sisa pepejal dari SPU dan Sebahagian SPT. Proses rawatan ini akan menambah nilai kepada sisa tersebut dan memasukkan semula ke dalam rangkaian ekonomi bagi menjana ekonomi tempatan.

78. MBSP juga akan menjalankan *waste diversion project* di Ampang Jajar di mana bahan-bahan yang dibuang akan diguna semula. Sistem Pengurusan Sisa Pepejal Lestari pula adalah untuk meningkatkan

kadar kitar semula di Seberang Perai dan sekaligus menambah nilai sisa-sisa yang terhasil dalam usaha meningkatkan ekonomi setempat.

79. Pengekstrakan gas di Tapak Pelupusan Pulau Burung Fasa 1 di mana Tapak Pelupusan Pulau Burung Fasa 1 telah beroperasi bagi tempoh 38 tahun dan telah berhenti digunakan sejak Disember 2020. Oleh yang demikian, adalah wajar sekiranya gas-gas metana yang terhasil di tapak berkenaan di ekstrak bagi penghasilan tenaga. Langkah ini akan membantu meningkatkan penggunaan tenaga diperbaharui di Seberang Perai di samping merancakkan ekonomi tempatan.
80. Di samping itu, program *Match Making* menggunakan sisa pepejal sebagai bahan mentah dan program "*Trash For Cash*" juga telah dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2022. Selain itu, pusat kitar semula juga akan diperbanyakkan di kawasan pembangunan strata dan pengasingan sisa makanan juga akan dilaksanakan di kawasan perindustrian dan hotel. Program pendidikan mengenai pengkomposan sisa makanan dan organik juga akan dilaksanakan dengan kerjasama antara syarikat swasta.

81. Program *Urban Farming* di Padang Chempedak milik MBSP sebagai *Edu-Green Centre* yang bertujuan untuk dijadikan pusat penyelidikan pelbagai disiplin aktiviti hijau seperti pengkomposan, kebun komuniti serta upcycle ke arah mengurangkan sisa. MBSP kerjasama dengan UPSI dan Urbanest Sdn. Bhd akan mengadakan *Training of Trainer's (ToT)* bagi pengkomposan, kebun komuniti upcycle dan konsep perkebunan.
82. Aktiviti tanaman cili melibatkan 1100 batang anak pokok cili “kulai” telah diadakan pada 3 Julai 2021. Pada 16 Mei 2021 adalah kali pertama hasil tuaian dipetik iaitu sebanyak 28 kilogram sayuran. Program ini tidak hanya untuk penanaman tetapi termasuk juga pembungkusan dan pemasaran serta program ini akan memberi peluang pekerjaan baharu kepada rakyat Seberang Perai.
83. Pada tahun 2021, MBSP menguruskan Stesen Pemindahan Ampang Jajar (SPAJ) buat sementara waktu sebelum pelantikan kontraktor baharu. Bagi memastikan kelancaran penghantaran sampah ke Pulau Burung, MBSP telah menyediakan peruntukan sebanyak **RM0.25 juta** untuk **Sewaan Kenderaan,**

**Mesin dan Jentera** serta **RM0.55 juta** untuk **Bekalan Bahan dan Peralatan**.

84. Selain itu, MBSP juga menyediakan sebanyak **RM0.45 juta** untuk **Penyelenggaraan dan Pembaikan Kenderaan** di SPAJ. Sebanyak **RM0.4 juta** pula disediakan untuk **Penyelenggaraan/ Pembaikan Mesin Berjentera**. MBSP juga akan membuat **Bayaran Perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal Lestari** sebanyak **RM3.2 juta**.
85. Justeru itu, MBSP menyediakan peruntukan untuk **Bayaran Tipping Fees** untuk **Pembuangan Sampah di Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung** sebanyak **RM13.5 juta**. Bagi **Bekalan dan Sewaan Tong Sampah** sebanyak **RM0.72 juta**, **Pembelian Peralatan Pembersihan** sebanyak **RM1.4 juta** dan bayaran **Kontrak Pembersihan Bersepadu (Pulau Aman)** sebanyak **RM0.18 juta** disediakan pada tahun 2022.
86. MBSP juga akan membuat **Pembayaran Balik dan Faedah atas Wang Pinjaman** untuk **Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam** sebanyak **RM5.63 juta**. Sebanyak **RM0.5 juta** pula

diperuntukkan untuk **Penyelenggaraan Tempat Pembuangan Sampah dan Tong Sampah** serta **Penyelenggaraan Tapak Pelupusan Ampang Jajar**.

87. Selain itu, MBSP akan membuat pembelian **Mesin Rumput dan Alat-Alat** serta **Mesin** sebanyak **RM0.17** juta serta **Penambahbaikan (Refurbish) Kenderaan** sebanyak **RM0.1** juta. MBSP juga akan membelanjakan wang dari **Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan (MARRIS - Malaysian Road Record Information System)** pada tahun 2022 untuk perkhidmatan pembersihan am jalan di seluruh Seberang Perai sebanyak **RM63.17** juta.
88. MBSP menyediakan peruntukan sebanyak **RM0.33** juta untuk tahun 2022 bagi kerja pemasangan **Papan Kenyataan** dan menjalankan program **Pendidikan Kesihatan, Kebersihan dan Pengindahan** bersama rakyat Seberang Perai. MBSP juga akan **Membina Depoh Pembersihan** baharu di Machang Bubuk sebanyak **RM0.5** juta bagi keselesaan wira oren untuk menjalankan tugas.

89. Rakyat Seberang Perai hendaklah bersama-sama MBSP mengurangkan sampah dengan menjalankan kitar semula dan pengasingan sisa di punca. MBSP telah berjaya melaksanakan kitar semula dan mencatat pencapaian **55.91%** bagi tahun 2020.
90. Fokus utama MBSP adalah memberi kesinambungan pemberdayaan peniaga-peniaga kecil dan penjaja supaya lebih berdaya saing dan bersedia menghadapi cabaran industri 4.0 dan juga pasaran global serta secara tidak langsung akan meningkatkan ekonomi Negeri Pulau Pinang. Oleh itu, kebersihan premis makanan turut menjadi salah satu aspek utama yang sentiasa diberi perhatian oleh MBSP.
91. Sejumlah **RM1.5 juta** diperuntukkan untuk **Penyelenggaraan Pasar-Pasar Awam Dan Kompleks Makanan**. Di samping itu, MBSP juga akan membuat **Bayaran Bil Utiliti** sebanyak **RM3.09 juta** untuk **Bil Elektrik** dan **RM1.28 juta** untuk **Bil Air** serta **RM0.2 juta** untuk **bil IWK**.
92. Sebanyak **RM0.16 juta** pula diperuntukkan untuk **Bekalan Peralatan Pembersihan** untuk kakitangan



MBSP menjalankan kerja-kerja pembersihan di pasar-pasar awam dan kompleks-kompleks makanan. MBSP akan memberi subsidi sebanyak RM1,000 kepada pihak pengurusan samaada Persatuan Penjaja, MPKK, Persatuan Penduduk atau NGO yang berminat untuk menguruskan tandas awam di pasar awam atau kompleks makanan. Oleh itu, peruntukan sebanyak **RM40,000** telah disediakan bagi pemberian subsidi tersebut.

93. Selain menggunakan peruntukan MBSP, MBSP juga akan menggunakan **Wang Sumbangan Menggantikan Penyediaan Kemudahan Awam (Tapak dan Bangunan Gerai/Penjaja)** sebanyak **RM15.89 juta** pada tahun 2022. Antara projek-projek yang akan dilaksanakan adalah **Naik Taraf Pasar Awam Jalan Jeti Lama, SPU** sebanyak **RM4.0 juta** dan **Naik Taraf Kompleks Makanan Lengkok Tenggiri, SPT** sebanyak **RM2.2 juta**.
94. Selain itu, MBSP juga akan menggunakan wang sumbangan untuk **Penyediaan Tapak Penjaja Sementara di Taman Puteri Gunung, Jalan Merak 2, Taman Widuri dan Taman Sri Janggus** sebanyak **RM1.0 juta** dan **Pembinaan Tempat Letak**

**Kereta di Pasar Awam Kepala Batas, SPU** sebanyak **RM0.6 juta**.

95. MBSP juga akan **Membina Tapak Penjaja di Taman Seri Akasia, SPT** dengan kos berjumlah **RM0.5 juta** serta menjalankan kerja-kerja **Penambahbaikan Pasar Awam Bandar Tasek Mutiara, SPS** sebanyak **RM0.4 juta**. Sebanyak **RM3.0 juta** akan dibelanjakan untuk tahun 2022 bagi **Kerja-Kerja Membekal, Memasang, Membina Dan Menyelenggara Perangkap Minyak (Grease Trap) di Kompleks Makanan dan Pasar Awam di Seberang Perai**.
96. MBSP juga menggunakan wang sumbangan untuk **Kerja-Kerja Pembaikan dan Penyelenggaraan Pasar Awam dan Kompleks Makanan** di seluruh Seberang Perai dengan peruntukan sebanyak **RM3.6 juta** untuk tahun 2022. Kerja-kerja **Menaiktaraf Kompleks Penjaja Mak Mandin, Butterworth, SPU** pula akan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri sebanyak **RM1.4 juta**.
97. Diharapkan peniaga-peniaga dapat menggunakan dan menjaga kemudahan dan fasiliti yang telah disediakan dengan baik bagi mengurangkan kos

penyelenggaraan dan kos tersebut boleh digunakan untuk perbelanjaan menaiktaraf kemudahan yang lain.

### **Keutamaan Teras Keempat – *Economy Digital***

98. Dalam merealisasikan Bandar Pintar serta ke arah pendigitalan perkhidmatan, MBSP telah memperuntukkan sebanyak **RM18.27 juta** pada tahun 2022.
99. Bagi meningkatkan keupayaan teknologi telekomunikasi di Seberang Perai, MBSP dan Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang telah mengenalpasti tiang-tiang lampu untuk dinaiktaraf keupayaannya kepada tiang lampu pintar (*smart street pole*) yang bukan sahaja berfungsi sebagai medium yang menerangi kawasan malah berkeupayaan menjadi alat telekomunikasi yang canggih dari segi keupayaan teknologi, kepantasan dan keupayaan komunikasi serta kecekapan penyaluran maklumat.
100. Tiang-tiang lampu ini akan turut dilengkapi dengan sokongan peralatan pintar seperti CCTV, *flood sensor*, *environmental sensor*, WiFi dan lain-lain. Ketika ini, proses percubaan melalui inisiatif *Proof Of*

*Concept (POC) Smart Street Pole* sedang dilaksanakan oleh 3 syarikat telekomunikasi di 3 lokasi di Seberang Perai. Proses ini dijangka akan disiapkan pada hujung tahun 2021.

101. Oleh itu, bermula pada tahun 2022, dengan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri, MBSP berharap dapat membuka sewaan tiang-tiang lampu MBSP kepada syarikat-syarikat telekomunikasi serta lain-lain syarikat *Network Facility Provider* ke arah menaiktaraf tiang-tiang lampu di kawasan MBSP melalui Projek *Smart Street Pole*.
102. Sebagai inisiatif ke arah penggunaan pembayaran tanpa tunai atau "*cashless payment*", MBSP mengorak langkah dengan bekerjasama dengan pihak swasta untuk melaksanakan FreeWifi di pasar awam dan kompleks makanan milik MBSP. Pada 8 Oktober 2021, projek perintis FreeWifi akan dilancarkan di Kompleks Makanan Astaka Bandar Perda untuk kegunaan peniaga dan orang awam.
103. Di samping itu, penggunaan *Livechat* dan *helpdesk* dapat membantu pelanggan yang bermasalah berkenaan penggunaan sistem dengan bantuan

diberikan secara dalam talian. Dengan Pelaksanaan OSC 3 Plus dengan pembayaran dibuat secara dalam talian bermakna pihak pemaju tidak perlu lagi hadir ke pejabat bagi urusan penyerahan dokumen. Ini bukan sahaja memudahkan pengguna malah melicinkan kerja yang perlu dilaksanakan dalam norma baharu.

104. MBSP telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti *Cyber Counter* yang telah menyenaraikan 100 perkhidmatan dalam talian. MBSP akan mempergiatkan penggunaan perkhidmatan *virtual* melalui *outreach* program Digital@Seberang Perai dan program *hands on Cyber Counter Corner*. Pendekatan tersebut adalah bertujuan melahirkan modal insan yang celik IT di kalangan rakyat supaya dapat menikmati manfaat negeri pintar Pulau Pinang yang akan dicapai pada tahun 2030.

105. MBSP telah membangunkan Sistem Pengurusan Lesen Interaktif Bersepadu. Sistem ini membolehkan pemohon lesen perniagaan mencetak lesen sendiri apabila diluluskan. MBSP juga akan meningkatkan keupayaan Gerbang Pembayaran MBSPPay dengan

menambah pelbagai perkhidmatan bayaran agar ianya selari dengan matlamat untuk memudahkan pengguna membuat pembayaran.

106. Program “*Digital Biz*” merupakan inisiatif yang dapat dimanfaatkan oleh 46,549 pemegang lesen dari semua kategori untuk membuat permohonan lesen dan pembaharuan lesen. Melalui aplikasi Boost, *virtual counter* akan dibuka untuk dicapai oleh kumpulan pelanggan yang lebih luas dan mesra pengguna.

107. Penggunaan Penang Smart Parking (PSP) iaitu sistem pengurusan dan pengoperasian petak letak kereta (TLK) secara pintar menggantikan penggunaan kupon letak kereta bermula bulan Ogos 2019 yang lalu. Pengguna Aplikasi PSP sehingga bulan Ogos 2021 adalah seramai 628,240 dan jumlah sensor yang telah dipasang di tempat letak kereta adalah berjumlah 17,059 unit. Jumlah kutipan yang telah diperolehi oleh MBSP pula adalah sebanyak RM2.81 juta.

108. Bagi Bajet Tahun 2022, MBSP telah memperuntukkan sebanyak **RM3.7 juta** untuk

**Pembayaran Penyelenggaraan Sistem** dan pembelian **Perkakasan dan Perisian Komputer Maklumat Berpusat MBSP** sebanyak **RM5.84 juta**. **Bekalan Kecil Peralatan Komputer** adalah sebanyak **RM0.32 juta** dan **Penyelenggaraan Kelengkapan Komputer** pula sebanyak **RM0.49 juta**.

### **Keutamaan Teras Kelima – *Mobility And Connectivity***

109. MBSP telah memperuntukkan **RM18.49 juta** dalam bajet tahun 2022 untuk pelaburan dalam infrastruktur yang amat signifikan dalam memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negeri.
110. MBSP telah memperkenalkan konsep kejiranan 20-minit atau *20-minute Neighbourhood Concept*. Konsep ini akan meningkatkan kualiti hidup dengan mewujudkan kawasan kejiranan di mana keperluan penduduk seperti perumahan, pejabat, restoran, taman, hospital, tempat rekreasi dan tempat kebudayaan dapat diakses dalam sekitar 20 minit dengan berjalan kaki atau berbasikal sahaja. Masjid Daerah SPT, Bandar Perda menjadi pusat aktiviti

utama kerana lokasinya strategik dan berada di tengah Bandar Perda dan dikelilingi oleh aktiviti-aktiviti utama seperti pentadbiran, pusat perniagaan, pendidikan dan kesihatan.

111. Di samping itu, MBSP merancang untuk mewujudkan enam (6) kejiranan 20 minit atau *20-minute Neighbourhood* sebelum tahun 2030. Pada tahun 2050, seluruh Seberang Perai akan menjadi *20 Minute City* di mana rakyat akan menggunakan pengangkutan awam dan kenderaan elektrik akan menjadi pengangkutan utama. Pergerakan di antara bandar-bandar utama hanya mengambil masa 20 minit.
112. Pada tahun 2022, MBSP akan menyediakan laluan basikal sepanjang satu (1) km di sepanjang Taman Tecoma, Bandar Perda dan di sekitar Bandar Cassia, Batu Kawan sepanjang 10 km kerjasama dengan Perbadanan Stadium, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Jabatan Kerja Raya.
113. MBSP juga telah menjalinkan kerjasama dengan Telekom Malaysia Berhad bagi pemasangan sistem pemantauan operasi lampu isyarat atau *Smart Traffic*



*Analytics and Recognition System (STARS)* di 100 persimpangan. Sistem ini berupaya untuk menyalurkan maklumat secara terus daripada kotak kawalan jika berlaku kerosakan melalui aplikasi Telegram secara *real time* sama ada melalui laman web atau telefon pintar bagi membolehkan pembaikan dilaksanakan dengan segera serta penyuraian trafik dapat dibuat dengan cepat.

114. Pemasangan CCTV pula dilaksanakan di kawasan *hotspot* jenayah dan persimpangan jalan yang mempunyai aliran trafik yang tinggi bagi tujuan kawalan lalu lintas dan membantu MBSP membuat kerja-kerja pemantauan berdasarkan kes-kes berkaitan agar penguatkuasaan dapat dibuat dengan lebih berkesan.
115. Jumlah CCTV di bawah penyelenggaraan MBSP adalah berjumlah 246 unit. Sebanyak **RM2.5 juta** diperuntukkan untuk bayaran **Sewaan CCTV** untuk tahun 2022. MBSP juga akan menggunakan *mobile* CCTV bagi pemantauan pembuangan sampah haram dan kerja tanah haram serta lain-lain kesalahan munisipal.

116. Selain itu, sebanyak **RM50,000** diperuntukkan bagi **Penyelenggaraan Lampu Isyarat, Pondok Bas, Tempat Letak Kereta dan Papan Tanda Lalu Lintas**. Untuk pemasangan pelbagai **Papan Tanda** seperti nama jalan sebanyak **RM70,000** diperuntukkan untuk tahun 2022.
117. MBSP juga menyediakan peruntukan sebanyak **RM0.1 juta** untuk **Bayaran Bil Utiliti Sistem GSM Lampu Jalan Dan Lampu Isyarat** untuk pemakluman kerosakan dan sebanyak **RM0.4 juta** untuk **Penyelenggaraan Jalan dan Kerja yang Berkaitan**.
118. MBSP ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang telah menyalurkan peruntukan **Penyelenggaraan Jalan (MARRIS-Malaysian Road Record Information System)** bagi penyelenggaraan jalan negeri dan jalan bandaran di Seberang Perai.
119. Sehingga bulan Ogos 2021, MBSP telah membelanjakan wang daripada **Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan (MARRIS)** sebanyak **RM23.49 juta** untuk kerja-kerja selenggara dan

pembaikan jalan perbandaran dan parit di dalam taman perumahan serta lampu isyarat di seluruh Seberang Perai. Pada tahun 2022, perbelanjaan sebanyak **RM50.0 juta** dijangka bagi penyelenggaraan dan pembaikan jalan dengan menggunakan peruntukan MARRIS.

## **Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian**

### **Keutamaan Keenam – Pengurusan Banjir**

120. Pada tahun 2022, sebanyak **RM14.69 juta** telah diperuntukkan dari keseluruhan perbelanjaan untuk menangani isu-isu banjir di Seberang Perai. MBSP akan menjalankan projek ***Integrated Smart Flood Monitoring System (INFLOS)*** dengan kos berjumlah **RM0.5 juta**. Tujuan pemasangan sistem tersebut adalah untuk memantau kawasan-kawasan berisiko tinggi bencana banjir di seluruh Seberang Perai. Ia juga memudahkan pemantauan rumah pam supaya berfungsi dengan baik serta lancar ketika menghadapi banjir dengan kadar yang lebih cepat dan efisien serta dapat menjana pelaporan yang lengkap secara automatik mengenai kawasan banjir,

jumlah rumah yang terkesan serta butiran teknikal yang lain.

121. Pada tahun 2022 MBSP akan menjalankan kajian untuk menerokai penggunaan ***underground water storage*** sebagai pendekatan baharu dalam mengatasi masalah banjir di Seberang Perai. MBSP akan mensyaratkan dalam pembangunan baharu untuk mewujudkan ***Integration Flood Recreation Pond*** yang akan menjadi serampang dua mata berperanan sebagai tebatan banjir dan kawasan rekreasi. MBSP mensyaratkan pihak pemaju menggunakan Sistem Saliran Mesra Alam seperti BIOECODDS yang dibangunkan oleh pihak USM di mana ia dapat membantu dalam pengawalan kualiti dan kuantiti air bagi menghadapi bencana banjir.
122. Sejumlah **RM8.0 juta** telah diperuntukkan bagi kerja-kerja **Penyelenggaraan Parit Monsun dan Kolam Takungan**. Manakala **Penyelenggaraan Rumah Pam dan Kawalan Banjir** pula adalah sebanyak **RM1.2 juta**. MBSP juga akan **Membina Parit Bagi Mengatasi Banjir** sebanyak **RM0.3 juta**. Kerja-kerja yang akan dilaksanakan pada tahun 2022 adalah

## **Menaiktaraf Parit Konkrit di Taman dan Menaiktaraf Longkang di Pasar Awam Sri Uda.**

123. Di samping itu, MBSP juga akan menggantikan **Mesin Angkat Sampah** di rumah pam sebanyak **RM1.1 juta** di Taman Sentul dan Taman Sentul Jaya, SPT. Sebanyak **RM0.2 juta** diperuntukkan untuk kerja-kerja **Menaiktaraf Rumah Pam di Taman Sentul Jaya, SPT.**
124. Selain menggunakan peruntukan MBSP, projek serta rancangan bagi kawalan banjir juga akan menggunakan peruntukan **Wang Caruman Pamaritan** sebanyak **RM6.78 juta** yang akan dimohon melalui Jawatankuasa Tebatan Banjir di peringkat Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Seberang Perai.
125. Antaranya, MBSP akan menjalankan kerja bagi mengurangkan masalah banjir di **Taman Permai Jaya, Kampung Baru, Taman Sukun, Taman Macang Manis, Taman Machang Bubuk dan Taman Inderawasih, SPT, Taman Bunga Raya, SPU dan Taman Merak, SPS.** MBSP juga akan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri sebanyak

## **RM5.0 juta untuk Menaiktaraf Parit Monsun dari Sungai Puyu ke Jalan Siram, SPU.**

### **Keutamaan Teras Ketujuh – Modal Insan**

126. Bagi menjadikan Seberang Perai sebuah bandaraya berdaya huni dengan imej dan tadbir urus yang baik, MBSP menuntut komitmen yang jitu daripada semua warga kerja MBSP bagi melaksanakan sistem penyampaian perkhidmatan (*delivery sistem*) yang berkesan. Warga kerja MBSP perlu menjalani latihan dan perlu dipertingkatkan pengetahuan dan kemahiran agar memiliki kepakaran.
127. Justeru itu, dalam menggalas tanggungjawab ini, peningkatan kualiti kerja secara berterusan yang menekankan kepada daya pemikiran, sahsiah diri, kreativiti, inovasi dan daya saing akan diberi keutamaan di kalangan warga kerja MBSP.
128. Bajet tahun 2022 memperuntukkan tabung **Sumbangan kepada Kakitangan MBSP** dengan dana permulaan **RM0.1 juta** yang pertama kali diperkenalkan bagi membantu kakitangan yang ditimpa bencana akibat kebakaran rumah kediaman dan ribut. Mekanisme serta jumlah pemberian

bantuan sumbangan akan dimuktamadkan sebelum bulan Disember 2021. Sumbangan ini juga termasuk pemberian bantuan sebanyak RM150 kepada kakitangan yang disahkan positif COVID-19.

129. Memandangkan terdapat peningkatan kes COVID-19 di kalangan kakitangan, MBSP telah memperuntukkan sebanyak **RM0.2 juta** untuk kos ujian saringan. Di samping itu, kakitangan dan ahli keluarga juga boleh membuat ujian di 15 buah Klinik Panel MBSP yang mempunyai symptom COVID-19.

130. Dalam mendepani cabaran kesihatan global dan domestik yang berterusan, aspek kesihatan kakitangan akan terus diutamakan bagi memastikan kakitangan sentiasa sihat, produktif, progresif dan sejahtera. Bagi meringankan beban kewangan kakitangan yang menghadapi masalah kesihatan dan memerlukan rawatan berterusan, MBSP telah menyediakan peruntukan bagi **Perkhidmatan Perubatan** berjumlah **RM2.0 juta**.

131. *Stroke* atau dengan nama lain "*the silent killer*" adalah penyakit berbahaya penyebab kecacatan dan kematian tertinggi di Malaysia. Faktor utama

penderita *stroke* di MBSP adalah usia, penyakit jantung koroner, kencing manis, hipertensi dan lemah jantung. Saat serangan *stroke* terjadi, rawatan yang menyebabkan sumbatan saluran darah otak yang besar memerlukan Prosedur *Mechanical Thrombectomy* (MT) dilakukan dalam tempoh kurang dari enam (6) jam. Justeru, MBSP telah mengadakan kerjasama strategik dengan Hospital Seberang Jaya untuk mendapat rawatan *Mechanical Thrombectomy* di Hospital Pantai Pulau Pinang. Kelulusan segera akan diberikan oleh MBSP supaya pekerja atau pesakit mendapat rawatan yang terawal untuk mengelakkan komplikasi dan kemungkinan kematian.

132. Bayaran perkhidmatan perubatan juga merangkumi perbelanjaan rawatan jantung di Institut Jantung Negara (IJN), rawatan hemodialisis sepanjang tempoh perkhidmatan untuk kakitangan kontrak dan sepanjang hayat bagi kakitangan tetap dan berpencen, pembelian alat orthopedik, **alat bantuan pendengaran bagi pekerja OKU**, ubat-ubatan, alat bantuan penglihatan dan rawatan pakar.

133. Kemudahan perbelanjaan rawatan hemodialisis juga diberikan kepada **ibu bapa** kakitangan yang masih



berkhidmat. Bagi rawatan kesihatan pekerja dan ahli keluarga, **kemudahan Klinik Panel** disediakan kepada kakitangan bujang dan kakitangan berkeluarga dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM4.0 juta**.

134. Pada tahun 2022, MBSP menyediakan peruntukan sebanyak **RM220,000** bagi **Bayaran Pampasan (*Ex-Gratia*)** kepada pekerja yang terlibat dalam kemalangan semasa bertugas. Faedah di bawah skim ini diberikan hanya bagi bencana kerja yang mengakibatkan kematian atau Hilang Upaya Kekal (HUK).
135. Sejumlah **RM189.42 juta** telah diperuntukkan bagi membiayai kos **emolumen** termasuk gaji, bayaran-bayaran elaun perkhidmatan serta imbuhan tahunan untuk **3,986** perjawatan. Sejumlah **RM1.2 juta** telah diperuntukkan bagi perbelanjaan untuk **Menghadiri Kursus, Seminar dan Peperiksaan** serta **Lawatan Sambil Belajar** di dalam dan luar negara untuk menjadikan modal insan MBSP lebih berketrampilan dan berpengetahuan luas.

## Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian

### Kesimpulan Bajet Tahun 2022

136. “**Bandaraya Digital dan Rendah Karbon**” memberi fokus kepada **tujuh (7) keutamaan teras bajet** yang akan dilaksanakan pada tahun 2022 melalui: -

- (i) Pertama – Komuniti Lestari iaitu RM20.01 juta;
- (ii) Kedua – Program Rendah Karbon iaitu RM37.23 juta;
- (iii) Ketiga – *Circular Economy* iaitu RM118.75 juta;
- (iv) Keempat – *Economy Digital* iaitu RM18.27 juta;
- (v) Kelima – *Mobility and Connectivity* iaitu RM18.49 juta;
- (vi) Keenam – Pengurusan Banjir iaitu RM14.69 juta;
- (vii) Ketujuh – Modal Insan iaitu RM11.84 juta.

### **Komponen Pendapatan**

137. Dianggarkan dalam Bajet Tahun 2022, MBSP akan memperolehi pendapatan berjumlah **RM310.13 juta** berbanding **RM299.25 juta** dalam tahun 2021 iaitu peningkatan sebanyak **RM10.88 juta** atau **3.6%**.

138. Seperti tahun-tahun sebelumnya, **Cukai Taksiran** merupakan penyumbang utama untuk pendapatan keseluruhan MBSP iaitu sebanyak **RM231.34 juta** atau **74%**. Anggaran pendapatan hasil cukai adalah berdasarkan kepada jumlah pegangan harta yang aktif pada tahun 2021, jangkaan tambahan pegangan harta baharu pada tahun 2022 dan pengubahsuaian hartanah berdasarkan keluasan dan kegunaan ruang lantai.
139. Rakyat Seberang Perai adalah diharapkan agar menjalankan tanggungjawab membayar cukai taksiran dalam tempoh yang ditetapkan bagi mengelakkan daripada tindakan penguatkuasaan dan perundangan diambil atau dikenakan.
140. Bagi **Hasil Bukan Cukai** sebanyak **RM67.29 juta** atau **22%** dan **Terimaan Bukan Hasil** iaitu **Geran Tahunan** daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta **Bantuan Bayaran Bil Lampu Jalan Dan Lampu Isyarat** sebanyak **RM11.5 juta** atau **4%** dari jumlah keseluruhan pendapatan MBSP.

141. Antara komponen bagi Hasil Bukan Cukai adalah terdiri daripada **Lesen Dan Permit** berjumlah **RM22.74 juta**, **Perkhidmatan Dan Bayaran Perkhidmatan** berjumlah **RM16.49 juta**, **Perolehan Dari Jualan barang-Barang** berjumlah **RM0.54 juta**, **Sewaan** berjumlah **RM12.75 juta**, **Faedah Dan Perolehan Dari Pelaburan** berjumlah **RM3.24 juta**, **Denda Dan Hukuman** berjumlah **RM11.41 juta** dan **Pelbagai Terimaan** berjumlah **RM111,000**.

### **Komponen Perbelanjaan**

142. Untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk Seberang Perai, MBSP mencadangkan **Perbelanjaan** sejumlah **RM345.35 juta** di mana **RM323.47 juta** disediakan bagi **Perbelanjaan Mengurus**, **RM11.36 juta** untuk **Perbelanjaan Pembangunan** dan **RM10.52 juta** untuk **Perbelanjaan Harta Modal**.

143. Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan perbelanjaan sebanyak **3.6%** atau **RM12.12 juta** dalam Bajet Tahun 2022 berbanding dengan Bajet Tahun 2021 iaitu **RM333.23 juta**. Perbelanjaan Mengurus meningkat sebanyak **2.6%** atau **RM8.11**

**juta** daripada **RM315.36 juta** dalam Bajet Tahun 2021 kepada **RM323.47 juta** dalam Bajet Tahun 2022.

144. **Perbelanjaan Mengurus** terdiri daripada perbelanjaan **Emolumen** kakitangan tetap sebanyak **RM92.9 juta**, **Perkhidmatan Dan Bekalan** sebanyak **RM203.38 juta**, **Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap** sebanyak **RM21.55 juta** dan **Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain** sebanyak **RM5.64 juta**.
145. **Perbelanjaan Pembangunan** meningkat sebanyak **66.3%** atau **RM4.53 juta** iaitu daripada **RM6.83 juta** dalam Bajet Tahun 2021 kepada **RM11.36 juta** dalam Bajet Tahun 2022. Ia merangkumi **Perbelanjaan Bangunan Dan Pembaikan Bangunan** berjumlah **RM3.97 juta** serta **Perbelanjaan Kemudahan Dan Pembaikan Kemudahan** berjumlah **RM7.39 juta**.
146. MBSP juga akan mengguna pakai **Kumpulan Wang Sumbangan** yang berjumlah **RM141.01 juta** serta **Peruntukan** daripada **Kerajaan Persekutuan** dan **Kerajaan Negeri Pulau Pinang** berjumlah **RM15.87 juta**. Ini menunjukkan bahawa jumlah **Keseluruhan**

**Perbelanjaan Pembangunan** bagi tahun 2022 adalah berjumlah **RM168.84 juta**.

147. **Perbelanjaan Harta Modal** menurun sebanyak **4.7%** atau **RM0.52 juta** iaitu daripada **RM11.04 juta** dalam Bajet Tahun 2021 kepada **RM10.52 juta** dalam Bajet Tahun 2022. Perbelanjaan ini merangkumi **Pembelian Kenderaan** berjumlah **RM0.7 juta**, **Mesin Rumpit** berjumlah **RM238,500** bagi kerja-kerja pemotongan rumput dan **Alat-Alat Dan Mesin Kejuruteraan** sebanyak **RM879,500**.
148. MBSP juga akan membuat **Pembelian Alat-Alat Pejabat** sebanyak **RM1.49 juta** serta **Perkakasan Dan Perisian Komputer** sebanyak **RM5.84 juta** bagi memastikan Seberang Perai menjadi sebuah bandar pintar. Perbelanjaan harta modal ini juga termasuk **Pembelian Senjata Api** sebanyak **RM120,000** dan **Pembelian Pokok Dan Benih** sebanyak **RM50,000**.

## Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian

### Penutup

149. Tahun 2021 bakal meninggalkan kita semua dengan pelbagai pengalaman dan kenangan yang sangat membekas dalam diri setiap daripada kita. Dua (2) krisis utama kehidupan manusia terjadi di negara kita iaitu krisis kesihatan dan krisis ekonomi.
150. Namun, kita mengharapkan dengan pengumuman daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri seperti pakej-pakej ransangan ekonomi mampu mengembangkan ekonomi dan menjamin kesejahteraan sosial negara kita, Insya-Allah.
151. Pada tahun 2022, MBSP tetap komited dalam mengawal defisit dan saya mencadangkan **bajet defisit** berjumlah **RM35.22 juta** dengan anggaran perbelanjaan berjumlah **RM345.35 juta** berbanding anggaran pendapatan sebanyak **RM310.13 juta**.
152. MBSP akan menguruskan kewangan dengan berhemah bagi memastikan perbelanjaan *value for money* dengan prinsip *doing more with less*, automasi

proses kerja dan pengurusan kewangan yang cekap tanpa menjejaskan prestasi, produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan.

153. Kumpulan Wang Majlis adalah mencukupi untuk membiayai defisit yang dicadangkan pada tahun 2022. Berdasarkan justifikasi-justifikasi yang telah dibentangkan, dengan amanah dan tanggungjawab yang telah diperuntukkan, saya memohon Majlis Penuh pada hari ini membuat pertimbangan dan meluluskan Bajet MBSP untuk tahun 2022 seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 55 Akta Kerajaan Tempatan 1976 seperti berikut: -

	<u>RM</u>
Pendapatan	: 310,128,800
Perbelanjaan	: 345,354,348
<b>Defisit</b>	<b>: (35,225,548)</b>

154. Marilah kita bekerja secara bersama, bergerak seiring dan merapatkan ukhuwah untuk memajukan Seberang Perai dan merakyatkan perkhidmatan. MBSP akan memastikan Seberang Perai resilient dan berdaya tahan dalam menghadapi pandemik COVID-19 dan seterusnya merealisasikan **“Aspiring City of**



## ***Tomorrow*” Aspirasi Bandar Masa Hadapan Seberang Perai.**

155. Akhir kata, saya berdoa agar kita semua diberi kesihatan yang baik dan sentiasa dilindungi Allah SWT. Marilah kita melipat gandakan doa agar kita diberi kekuatan menghadapi cabaran COVID-19 dan meringankan dugaan supaya kita dapat menjalani kehidupan seperti biasa.

Saya mohon mencadangkan.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Assalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, Terima Kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.

**DATO’ Sr HJ ROZALI BIN HJ MOHAMUD**

DSPN, DJN, BCN, PJK, FRISM

Datuk Bandar Seberang Perai